

## **Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Bilik Darjah dan Cadangan Guru dan Pelajar**

Bahagian ini adalah untuk menjawab soalan kajian 2, iaitu ‘**Apakah masalah dan cadangan guru dan pelajar terhadap strategi pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah?**’ Dapatan kajian ini dibahagi kepada dua bahagian, iaitu masalah dan cadangan guru dan pelajar terhadap pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah Tingkatan 4. Bagi mendapatkan data ini, temu bual separa struktur dijalankan terhadap enam guru Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan enam kumpulan pelajar Tingkatan 4. Keseluruhannya, 18 temu bual dijalankan, masing-masing sembilan terhadap guru dan sembilan terhadap pelajar. Tujuan temu bual ini adalah bagi mendapatkan data tentang (1) masalah pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah, dan (2) cadangan guru dan pelajar bagi meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Melayu.

### **Masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah Tingkatan Empat.**

Hasil temu bual mendapati terdapat enam masalah utama yang dihadapi oleh guru dan pelajar dalam proses pengajaran Bahasa Melayu. Masalah tersebut ialah masalah sikap guru dan pelajar, tekanan peperiksaan, isu pelaksanaan sukanan pelajaran, dan kebolehan pelajar yang berbeza terhadap penguasaan kemahiran berbahasa. Bahagian ini akan menghuraikan masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah Tingkatan 4 berdasarkan kaedah ‘*structural coding*’.

### *Sikap guru dan pelajar.*

Semasa sesi temu bual dijalankan, terdapat beberapa isu yang dibangkitkan oleh guru yang terlibat dalam kajian ini. Antara isu yang agak memerlukan penyelidik ialah pengakuan guru yang tidak berminat untuk mengajar Bahasa Melayu, walaupun beliau berpengalaman mengajar mata pelajaran ini. Apabila ditanya tentang minatnya mengajar BM, beliau mengatakan:

*“Saya lebih suka mengajar sejarah. Bahasa rumit sikit”.*

(TT1G1\_5/11, baris 37)

Implikasinya, pengajaran guru ini tidak menarik dan pelajar kurang memberi tumpuan terhadap pengajaran guru. Ketika ditanya tentang perasaan mereka terhadap pengajaran Cikgu Ezzah, pelajar mengatakan bahawa pengajaran guru mereka itu amat membosankan (TT2KFP4\_10/11, baris 75).

Para guru juga mendakwa bahawa pelajar mereka kurang meminati KOMSAS. Antara sebab hal ini berlaku kerana cakupan sukatan pelajaran KOMSAS itu sendiri yang terlalu luas dan banyak cakupannya. Dalam konteks ini, Cikgu Rozila menyatakan bahawa:

*“Tujuan KOMSAS adalah untuk menggalakkan pelajar meminati sastera. Pada mulanya, agak susah menyerap KOMSAS ke dalam subjek Bahasa Melayu kerana pelajar susah untuk faham. Pelajar juga tidak meminati sastera. Tambahan pula, pelajar mula belajar KOMSAS di Tingkatan 4 dan ini mengejutkan.”*

(TT1G2\_5/4, baris 58-67)

Selain itu, Cikgu Rozila juga mengatakan bahawa terdapat pelajar, khususnya pelajar bukan Melayu tidak berminat untuk belajar Bahasa Melayu kerana mereka menganggap Bahasa Melayu bukanlah pelajaran yang penting berbanding Matematik (TT2G2\_23/4, baris 445).

Bagi pelajar Melayu pula, Cikgu Rozila menjelaskan bahawa masalah utama pelajar kelompok ini ialah mereka ‘malas’ menulis, khususnya kemahiran menulis karangan. Beliau menyatakan bahawa terdapat pelajar Melayu tidak mampu menulis karangan yang panjangnya 320 patah perkataan. Katanya:

*(Menulis) karangan (pelajar) ada masalah. (Pelajar ini) malas menulis banyak karangan. Sebab(nya) karangan perlu (ditulis dalam) 320 patah perkataan. (Hal ini demikian kerana), semasa PMR mereka buat 180 (patah perkataan), (jadi) apabila hendak buat 360 (patah perkataan) susah. 200 (patah perkataan) tambah. Dia malas. Letihlah cikgu. Banyaklah.*

(TT2G2\_23/4, baris 264-267)

Data temu bual juga mendapati pelajar tidak berminat belajar Bahasa Melayu kerana kurang motivasi dan minat. Cikgu Ezzah, misalnya menjelaskan bahawa antara masalah pengajaran Bahasa Melayu ialah pelajarnya tidak berminat dan tidak bermotivasi ketika belajar. Situasi ini menurutnya, menyebabkan pelajar gagal menguasai pelajaran Bahasa Melayu dengan baik (TT1G1\_5/11, baris 148-149). Selain itu, guru juga menjelaskan bahawa terdapat pelajar yang tidak menyukai pelajaran KOMSAS. Cikgu Rozila, misalnya menyatakan bahawa pada mulanya, pelajar beliau memang tidak menyukai KOMSAS kerana susah untuk difahami (TT1G2\_5/4, baris 60-61).

Selain pelajar, sikap guru juga menjadi masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan temu bual mendapati bahawa antara masalah pengajaran Bahasa Melayu ialah sikap guru yang tidak mahu meningkat pengetahuan mereka khususnya dalam aspek pengajaran bahasa. Cikgu Ezzah, misalnya menyatakan bahawa beliau hanya menggunakan cara lama kerana tidak tahu pendekatan baharu dalam pengajaran bahasa. Contoh:

*Penyelidik: Macamana dengan pendekatan pengajaran karangan?  
Cikgu Ezzah: Saya ikut yang lamalahkan...saya kursus pun tidak pernah pergikan...*

TT1G1\_5/11, baris 168-169).

### ***Memenuhi keperluan peperiksaan.***

Selain masalah yang dibincangkan di atas, masalah yang agak dominan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah ialah konflik antara matlamat pengajaran bahasa yang sebenar dengan realiti yang berlaku di bilik darjah. Guru Kanan Bahasa (Cikgu Ayun), misalnya menyatakan bahawa guru menghadapi konflik ketika mengajar Bahasa Melayu di bilik darjah, iaitu sama ada memenuhi matlamat sukan pelajaran BM atau memenuhi keperluan peperiksaan. Rentetan perbualan ini di bawah ini menjelaskannya.

*Penyelidik: Tetapi, matlamat pendidikan bahasa bukan berorientasikan peperiksaankan?*

*Cikgu Ayun: Aaa...jadi di situlah saya nampak konflik yang timbul antara guru ini.*

(TT1GK\_5/4, baris 194-196

Tambahan pula, kebanyakan guru bimbang jika pengajaran yang disampaikan mereka, yang berpandukan matlamat pendidikan BM itu, tidak disoal dalam peperiksaan (TT1GK\_5/4, baris 276-278). Hal ini wajar dibimbangi kerana menurut Cikgu Ayuni lagi, pihak sekolah dan masyarakat akan melihat peratusan pencapaian pelajar dalam akademik dan bukannya pendekatan atau proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam bilik darjah. Katanya:

*Kita tidak boleh nafikan juga encik sebab perbandingan antara sekolah yang baik dengan sekolah yang lemah ialah peratus pencapaiannya.*

(TT1GK\_5/4, baris 237-238)

Akibatnya, menurut guru kanan bahasa ini lagi, rata-rata guru di sekolah tersebut menjadikan teknik menjawab soalan sebagai aktiviti yang perlu dilaksanakan di bilik darjah bagi memastikan pencapaian pelajar dapat ditingkatkan. Katanya:

*Jadi, kita sekarangkan, guru tidak boleh lari daripada berbincang tentang teknik menjawab (soalan). (Teknik ini) telah menjadi satu cara mengajar bahasa.*

(TT1GK\_5/4, baris 270-272)

### ***Menghabiskan sukanan pelajaran.***

Masalah ketiga yang dihadapi oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ialah masalah menghabiskan sukanan pelajaran. Data temu bual mendapati bahawa guru berhadapan dengan sukanan pelajaran yang sangat luas dan sukar dihabiskan, khususnya sukanan KOMSAS. Cikgu Rozila, misalnya menyatakan bahawa sukanan pelajaran KOMSAS “memang berat dan huru-hara” (TT2G2\_5/4, baris 47-50). Menurutnya lagi, hal ini menyebabkan guru dibebani dengan tuntutan untuk menghabiskan sukanan dalam tempoh dua tahun. Katanya:

*“hendak jawab hanya 3 soalan kefahaman sahaja, tetapi semua kena diajar”*

(TT2G2\_5/4, baris 67-80).

Desakan untuk menghabiskan sukanan menyebabkan tumpuan pengajaran hanya berfokus kepada proses ‘menyampaikan seberapa banyak maklumat yang boleh kepada pelajar dalam tempoh yang ditetapkan’. Akibatnya, guru mengetepikan kreativiti mengajar serta tidak mempelbagaikan teknik dan alat bantu mengajar semasa mengajar Bahasa Melayu di bilik darjah.

Isu ini juga disebut oleh Guru Kanan Bahasa, Cikgu Ayun. Menurut beliau, Rancangan Mengajar Tahunan (RMT) tidak diikuti sepenuhnya kerana guru

berhadapan dengan tekanan yang menuntut agar sukatan pelajaran hendaklah dihabiskan. Beliau menjelaskan bahawa guru berada di persimpangan jalan, iaitu untuk menghabiskan sukatan bagi menghadapi peperiksaan atau memenuhi keperluan pelajar, iaitu belajar dalam suasana yang menyeronokkan. Katanya:

*Saya rasa tekanan. Sebab sebagai GK bahasa, ok, why peratus bahasa turun? Orang akan tanya. Jadi, kita sekarangkan, guru tidak boleh lari daripada berbincang tentang teknik menjawab soalan. (Teknik ini) akan (menjadi) satu daripada pedagogi (bahasa).*

(TT1GK\_5/4, baris 262-270).

### ***Penguasaan kemahiran berbahasa.***

Kebolehan pelajar juga merupakan masalah pengajaran yang dihadapi oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Data temu bual mendapati bahawa IQ yang berbeza, tidak menguasai kemahiran membaca, menulis dan bertutur merupakan antara masalah pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Cikgu Rozila menjelaskan bahawa terdapat pelajar yang gagal menguasai kemahiran lisan. Kelemahan kemahiran lisan ini terjadi kerana pelajar tidak mahu mengambil bahagian dalam aktiviti berbahasa seperti pidato dan sebagainya. Contohnya:

*Pelajar sekarang lemah dalam bahagian lisan. Suruh pidato atau bahas mereka tidak mahu.*

(TT1G2\_5/4, baris 133-134)

Selain masalah bertutur, pelajar juga berhadapan dengan masalah menulis dan mengolah ayat. Cikgu Ayun, misalnya menjelaskan bahawa terdapat pelajar yang tidak berkemampuan untuk mengolah ayat bagi menyampaikan sesuatu mesej atas sebab kegagalan menguasai kemahiran tatabahasa. Cikgu Ayun menjelaskan:

*Ya, kemahiran menulis. Mereka hendak mengolah (ayat) (untuk) menyampaikan sesuatu maksud (susah kerana) nahu, tatabahasa mereka kadang-kadang salah. Subjek (dan) predikat (pun) tidak dikuasai.*

(TT1GK\_5/4, baris 130-131)

Selain itu, pelajar juga menghadapi masalah membaca. Cikgu Norehan (Guru Panitia BM), misalnya menyatakan bahawa guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat di sekolahnya masih berhadapan dengan masalah buta huruf. Menurutnya, dalam kelas tertentu, masih ada pelajar yang masih tidak boleh membaca dan ini menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran guru (TT1GP\_6/11, baris 109-111).

**Pandangan dan cadangan guru dan pelajar terhadap poses pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah.**

Beberapa tema muncul daripada penelitian penyelidik terhadap transkripsi temu bual guru dan pelajar. Daripada tema tersebut, pengkaji memilih lima tema utama yang dikemukakan guru dan pelajar bagi meningkatkan mutu pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Tema tersebut ialah (1) pelbagaikan bahan, (2) strategi pengajaran karangan, (3) strategi pengajaran tatabahasa, (4) kaedah pengajaran, dan (5) latar belakang guru.

***Pelbagaikan bahan bantu mengajar.***

Transkripsi temu bual guru dan pelajar mendapati bahawa mempelbagaikan bahan pengajaran dan pembelajaran merupakan cadangan yang paling utama dikemukakan oleh peserta kajian. Hal ini menunjukkan bahawa guru dan khususnya pelajar masih tidak berpuas hati terhadap bahan pengajaran dan pembelajaran atau bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu di bilik darjah. Antara cadangan yang paling kerap muncul dalam transkripsi temu bual pelajar ialah BBM hendaklah dipelbagaikan. Contohnya, pelajar 4P5 mencadangkan agar guru perlu membanyakkan bahan pengajaran. Katanya, guru “perlu banyakkan bahan bagi

menarik minat pelajar” (TT1KFP5\_5/4, baris 363). Begitu juga dengan pandangan pelajar 4P6, mereka juga mencadangkan agar guru mempelbagaikan BBM dan menggunakan “keratan akhbar yang sebenar atau rakaman berita” dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (TT1KFP6\_30/10, baris 123).

Selain keratan akhbar dan rakaman berita, pelajar juga mencadangkan agar guru memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran mereka. Pelajar 4P5, misalnya mencadangkan agar guru dan pelajar “mencari bahan daripada internet” dan selepas itu mereka “berbincang dengan cikgu” mereka tentang bahan tersebut (TT1KFP5\_5/4, baris 157).

Pelajar juga mencadangkan agar guru menggunakan pelbagai bahan seperti audio visual, “gambar hidup”, poster, dan bahan grafik. Pelajar 4P2, misalnya mencadangkan agar guru menggunakan “gambar hidup” dan “gambar berwarna” bagi menambahkan minat pelajar. Malah, mereka menyatakan bahawa: “Kalau gambar hidup pun lagi seronoklah menulis cerita” (TT1KFP2\_7/4, baris 240-241). Pelajar juga mencadangkan agar guru menggunakan rancangan *Bersamamu* terbitan TV3 sebagai bahan pembelajaran, khususnya untuk aktiviti pemahaman kerana bahan tersebut dapat menyentuh emosi dan perasaan mereka. Sebagai contoh, mereka menyatakan bahawa:

*“pada pandangan saya, bahan ini merupakan bahan yang elok, yang bagus dan boleh melembutkan hati”.*

(TT1KFP5\_5/4, baris 342).

### ***Tingkatkan strategi pengajaran karangan.***

Dapatan daripada transkripsi temu bual guru dan pelajar menunjukkan bahawa terdapat empat cadangan pelajar dan guru bagi memastikan pengajaran karangan menjadi lebih menarik dan bermakna. Cadangan mereka ialah pelajar perlu dilibatkan

sepenuhnya dalam proses pemilihan tajuk dan mencari isi karangan. Mereka juga mencadangkan supaya kaedah dan teknik pengajaran karangan dipertingkatkan serta menggalakkan penulisan kreatif dalam bilik darjah. Dari aspek pemilihan tema atau tajuk karangan, pelajar mencadangkan agar guru memilih tema yang berkaitan dengan isu semasa, alam siber, dan emosi dan rohani.

Pelajar 4P4, misalnya mencadangkan agar tajuk karangan yang dipilih hendaklah berkisar tentang isu semasa. Mereka menyatakan bahawa isu semasa ini perlu dibincangkan di bilik darjah (TT1KFP4\_30/10, baris 82-85). Pelajar-pelajar ini juga mencadangkan agar guru menggunakan contoh yang autentik bagi menjelaskan sesuatu isu (TT1KFP4\_30/10, baris 51-54). Selain itu, bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik, pelajar mencadangkan agar tajuk karangan turut menyentuh aspek emosi dan rohani mereka seperti isu ‘buang bayi’ (TT1KFP1\_29/10, baris 472). Segmen temu bual ini menjelaskan pandangan terhadap isu yang harus dibincangkan dalam pengajaran karangan di bilik darjah.

*Penyelidik: Sepatutnya bahan yang macam mana sesuai? Yang anda hendak?*

*Pelajar: Masalah sosial.*

*Penyelidik: Lebih sesuai. Buang anak. Buang bayi.*

*Pelajar: (ketawa).*

(TT2KFP2\_30/4, baris 45-48).

Pelajar juga turut mencadangkan agar tajuk karangan yang dipilih hendaklah berkisar tentang alam siber dan berkaitan dengan diri mereka (TT1KFP5\_baris 252). Dari aspek pencarian isi karangan pula, pelajar mencadangkan agar guru memberi mereka lebih peluang atau kebebasan mencari isi. Pelajar 4P4, misalnya menyatakan: “Bagi peluanglah kami bincang cari isi” menunjukkan bahawa mereka tidak diberi peluang mencari isi karangan sendiri khususnya melalui pendekatan inkuriri

(TT1KFP4\_baris 37-38). Bagi pelajar, pendekatan inkuiiri “lebih menarik dan boleh melatih kemahiran bertutur” (TT1KFP5\_5/4, baris 289).

Dari aspek kaedah dan teknik pengajaran karangan pula, Guru Panitia Bahasa Melayu mencadangkan agar kemahiran menulis karangan diajar dengan menggunakan teknik bercerita dan penggunaan istilah yang menarik. Beliau menyatakan bahawa untuk mendapatkan karangan yang baik: “saya selalunya mulakan pengajaran dengan menggunakan kosa kata yang terkini, misalnya mulakan dengan perkataan masyarakat madani” (TT1GP\_6/11, baris 40-42). Menurut beliau tujuannya adalah untuk menarik tumpuan pelajar untuk terus menulis. Beliau juga mencadangkan supaya pelajar hendaklah memiliki kosa kata yang luas agar karangan menjadi lebih kemas dan menarik, seperti katanya, “kalau ingin cantikkan lagi karangan, kosa kata kena luas dan selitkan dengan peribahasa” (TT1GP\_6/11, baris 42-43). Beliau juga mencadangkan supaya guru menggunakan teknik bercerita kerana katanya:

*“Saya akan bercerita contoh pengalaman saya. Lepas itu kaitkan dengan karangan hari itu. Budak-budak memang suka cerita. (khususnya) cerita yang sesuai dengan alam mereka dan yang pernah kita lalui dahulu. Misalnya kalau nak pecahkan ruyung manakan dapat sagunya.”*

(TT1GP\_6/11, baris 47-52).

Secara tidak langsung, katanya, beliau telah “mengajar peribahasa dalam konteks”, sebagaimana yang disarankan dalam sukatan.

Penggunaan gambar juga boleh digunakan dalam pengajaran karangan. Menurut Cikgu Rozila, guru boleh menggunakan gambar bagi mengajarkan karangan, khususnya bagi pelajar yang lemah. Katanya:

*“Sebenarnya gambar itu hanya untuk budak yang lemahlah supaya dia dapat markah dalam karangan”.*

(TT2G2\_23/4, baris 320-321).

Menurutnya, penggunaan gambar dapat membantu pelajar “di kelas hujung” atau pelajar yang lemah untuk menulis karangan kerana menurutnya, pelajar ini tidak mempunyai kemampuan menulis karangan yang panjangnya 350 patah perkataan.

### ***Pengajaran tatabahasa secara konteks.***

Guru Kanan Bahasa Melayu mencadangkan agar tatabahasa diajar dalam konteks penggunaan yang betul dan bukannya aspek pengetahuan rumus tatabahasa sahaja. Katanya, “yang penting pelajar tahu guna tatabahasa dan bukannya rumus semata-mata” (TT1GK\_5/4, baris 144-145). Pelajar 4P4 (Naim) pula mencadangkan agar tatabahasa diajar secara bertema dan berkaitan dengan kemahiran bahasa yang lain. Beliau mencadangkan agar tatabahasa diajar “secara berkaitlah, misalnya ajar tatabahasa dalam karangan dan wawancara” (TT2KFP4\_10/11, baris 60-66).

Dalam konteks ini, Mohan (Pelajar 4P3) menyatakan bahawa beliau setuju dengan cadangan yang menggalakkan aktiviti pengajaran kemahiran bahasa, misalnya kemahiran menulis karangan, rumusan dan lisan dijalankan dalam satu-satu tema tertentu. Malah, beliau dan rakannya menyatakan bahawa pendekatan ini dapat membantu mereka menggunakan isi untuk tujuan yang pelbagai. Katanya:

*Penyelidik: Anda rasa macam mana Mohan kalau kita ajar macam tu, dalam satu tema? Apa kebaikannya?*

*Mohan: Boleh dapat isi dari pelbagai kemahiran bahasa.*

*Asha: Boleh guna isi daripada rumusan boleh guna untuk karangan.*

(TT1KFP3\_22/4, baris 223-226)

Dalam konteks pengajaran analisis kesalahan bahasa, pelajar mencadangkan agar kesalahan bahasa yang ada di persekitaran mereka dijadikan bahan analisis kesalahan bahasa di bilik darjah. Menurut mereka, bahan bantu

mengajar yang autentik sangat sesuai digunakan dalam pengajaran kesalahan bahasa. Segmen temu bual ini menjelaskannya:

*Penyelidik: Macam mana dengan kesalahan bahasa. Pernah atau tidak cikgu menggunakan kesalahan bahasa yang sebenar yang terdapat di sekeliling kita dan kita betulkan?. Atau kita rakam perbualan di pasar dan kita betulkan?*

*Mashitah dan Aini: Setuju. Itu lebih 'real'.*

(TT1KFP6\_30/10, baris 130-135)

Pelajar juga mencadangkan supaya kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar sendiri digunakan sebagai bahan bantu mengajar untuk mengajar kesalahan bahasa. Pelajar ini menyatakan pandangan mereka terhadap pendekatan pengajaran ini.

*Penyelidik: Kalau kesalahan pelajar yang sebenar setuju tak?*

*Rupawati: Setuju. Menarik*

(TT1KFP6\_30/10, baris 134-135)

Yang berikut ialah respons pelajar lain tentang penggunaan kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar sendiri sebagai bahan pembelajaran:

*Penyelidik: Yang mana lebih baik kalau kita tahu itu kesalahan kita dibetulkan? Adakah kita rasa lebih dekat dan ingat lama?*

*Azira: (Kalau) kesalahan kita, (kita akan) lebih ingat lama.*

(TT1KFP1\_29/10, baris 356-357)

Pelajar lain (Syakila, pelajar 4P1) juga berpendapat bahawa bukan sahaja kesalahan pelajar digunakan sebagai bahan pembelajaran di bilik darjah, malah beliau turut mencadangkan agar kesalahan bahasa yang digunakan oleh orang awam seperti di pasar juga boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran tatabahasa. Beliau menyatakan bahawa pendekatan ini “menarik kerana berlainan dengan pendekatan yang biasa diikuti dalam bilik darjah” (TT1KFP1\_29/10, baris 379-383).

### ***Pelbagaiakan kaedah pengajaran .***

Data temu bual mendapati antara cadangan pelajar terhadap aktiviti pengajaran bahasa ialah guru perlu membanyakkan aktiviti kumpulan, pembentangan, aktiviti bertutur dan aktiviti luar. As-Suhada (pelajar 4P4), misalnya mencadangkan guru hendaklah “buat banyak pertunjukan” bagi menjadikan pengajaran guru lebih menarik (TT2KFP4\_10/11, baris 82-83). Mereka juga mencadangkan agar guru melaksanakan aktiviti pengajaran secara berkumpulan. Segmen perbualan ini menunjukkan bahawa pelajar mencadangkan aktiviti kumpulan dilaksanakan.

*Penyelidik: Bolehkah cadangkan cara mengajar yang baik oleh guru.*

*Shazliana : Aktiviti kumpulan pun boleh juga.*

*Penyelidik: Aktiviti kumpulan?*

*Shazliana : Haa.*

(TT1KFP3\_22/4, baris 185-188)

Pelajar juga mencadangkan agar guru membuat aktiviti luar bagi menambah pengalaman pembelajaran bahasa. Yang berikut ialah cadangan pelajar tentang aplikasi pendekatan ini dalam aktiviti pengajaran Bahasa Melayu.

*Penyelidik: Apa cadangan anda untuk meningkatkan kaedah pengajaran BM?*

*Mashitah: Bawa aktiviti pengajaran ke luar bilik darjah*

(TT1KFP6\_30/10, baris 121-122)

Pelajar juga mencadangkan agar guru mempelbagai teknik pengajaran seperti main peranan, lakonan, dan temu ramah bagi menjalankan aktiviti pengajaran bahasa. Rentetan temu bual menunjukkan bahawa semua pelajar setuju jika teknik main peranan seperti melakonkan watak-watak pegawai pelancongan Malaysia, pengusaha restoran dan sebagainya bagi mendapatkan pandangan mereka terhadap usaha meningkatkan pelancongan negara (TT1KFP6\_30/10, baris 45-54). Cadangan ini turut dikongsi oleh seorang lagi pelajar (4P3). Beliau mencadangkan agar guru menggunakan pelbagai teknik ketika mengajar BM. Cadangannya:

*Penyelidik: Apa pandangan anda kalau kita pelbagaikan teknik?  
Syazlina: Ok juga.*

Pelajar juga mencadangkan agar guru menggandakan aktiviti bertutur bagi meningkat kualiti pengajaran kerana kemahiran ini sangat jarang dilakukan. Contoh cadangan pelajar:

*Penyelidik: Bagaimana kita hendak mantapkan pengajaran bahasa?*

*Rachael: Banyakkan aktiviti berbahasa.*

*Penyelidik: Macam perbualan ya?*

*Rachael: Ya.*

(TT2KFP2\_30/4, baris 194-197)

Pelajar lain juga mencadangkan hal yang sama. Zambrus dan Yee Lee (pelajar 4P5) turut mencadangkan agar guru menggandakan aktiviti bertutur di bilik darjah. Mereka mencadangkan agar guru membanyakkan “latihan bercakap” (Yee Lee: “banyak berbual”) kerana itu merupakan masalah utama kebanyakan pelajar (TT2KFP5\_30/4, baris 236-245).

Selain pelajar, guru turut memperakui kepentingan pelaksanaan (1) pengajaran bahasa secara bertema, (2) induksi set, dan (3) pendekatan induktif dalam pengajaran Bahasa Melayu. Cikgu Ezzah, misalnya mencadangkan agar guru mengajar literasi bahasa yang berlainan berdasarkan satu tema atau isu yang sama. Contoh cadangannya:

*Penyelidik: Pernah atau tidak cikgu mengajar sesuatu isu berdasarkan kemahiran bahasa yang berlainan. Misalnya isu pencemaran alam...ada yang buat wawancara...surat kiriman...atau karangan..pernahkah cikgu?*

*Cikgu Ezzah: Tidak pernah..tetapi bagus juga ya...*

(TT1G1\_5/11, baris 174-180)

Guru turut memperakui kepentingan induksi set dalam aktiviti pengajaran. Cikgu Hana, misalnya apabila ditanya tentang cara menarik minat pelajar dalam aktiviti pengajaran, menyatakan bahawa “set induksi pentinglah” dan perlu diberi keutamaan

dalam ketika merancang pengajaran (TT1G4\_31/3, baris 117-119). Selain itu, guru juga mencadangkan agar pendekatan induktif digunakan bagi mengajarkan tatabahasa. Guru Kanan Bahasa (Cikgu Ayun), misalnya menyatakan bahawa pelajar akan lebih memahami jenis ayat yang dipelajarinya jika pendekatan ini diaplikasikan. Kata beliau:

*Haa...saya lebih suka la teknik ini..kalau (mengajar ayat), saya beri contoh-contoh ayat dulu. (kemudian) saya minta pelajar... "ok, cuba awak lihat ayat ni". Saya rasa ni ...dia tahulah golongan ayat itu.*

(TT1GK\_5/4, baris 166-167)

Akhirnya, bagi memastikan pengajaran bahasa berlaku dengan lancar, guru mencadangkan agar guru BM mestilah mendapat pendidikan khusus dalam pengajaran Bahasa Melayu dan tegas. Cikgu Ezzah, misalnya menyatakan bahawa beliau mengalami masalah ketika mengajar Bahasa Melayu kerana beliau bukan opsyen Bahasa Melayu. Katanya:

*Pertama kena cikgu yang opsyen. Sebab dia banyak ilmu...cerita apa..saya bukan opsyen...saya lebih suka (mengajar) sejarah...yang opsyen lebih tahu tentang budak-budakkan.*

(TT1G1\_5/11, baris 155-156).

### Rumusan dan Implikasi Pengajaran

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa antara masalah pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah dan cadangan guru dan pelajar ialah:

- a. Masalah sikap guru dan pelajar
  - i. Terdapat guru yang tidak berminat untuk mengajar Bahasa Melayu dan ini memberi kesan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

- ii. Pelajar tidak meminati KOMSAS kerana sukar difahami, manakala guru menganggap KOMSAS sebagai pelajaran yang sukar diajar kerana cakupan sukatannya terlalu luas.
  - iii. Bagi pelajar bukan Melayu, Bahasa Melayu tidak menarik berbanding pelajaran lain.
  - iv. Pelajar Melayu kurang berupaya untuk menulis karangan yang panjangnya 320 patah perkataan kerana mereka ‘malas’ menulis.
  - v. Pelajar tidak bermotivasi untuk belajar Bahasa Melayu.
  - vi. Guru tidak mahu meningkatkan pengetahuan tentang pengajaran Bahasa Melayu dan masih terikat dengan pendekatan lama.
- b. Masalah Pengajaran dan Pembelajaran
  - i. Konflik antara memenuhi keperluan matlamat pengajaran bahasa dan keperluan peperiksaan.
  - ii. Sukatan pelajaran khususnya KOMSAS sangat luas dan soalan yang dikemukakan hanya sedikit.
  - iii. Kebolehan pelajar berbeza khususnya dari aspek penguasaan kemahiran menulis, lisan, dan tatabahasa, malah masih ada yang buta huruf.
- c. Cadangan guru dan pelajar
  - i. Pelbagaikan bahan bantu mengajar khususnya yang bersifat autentik seperti keratan akhbar, bahan audio visual dan bahan grafik.
  - ii. Pertingkatkan strategi pengajaran khususnya aspek pengajaran karangan agar lebih menarik dan relevan dengan keadaan semasa.
  - iii. Pelbagai teknik pengajaran seperti gunakan teknik bercerita bagi mengajarkan karangan dan gunakan gambar atau bahan yang dapat menarik minat pelajar.

- iv. Ajarkan tatabahasa dalam konteks dan fungsi yang tepat dan tidak menekankan kepada pengetahuan rumus tatabahasa semata-mata.
- v. Kemahiran bahasa diajar secara bertema dan berkaitan antara satu pelajaran dengan pelajaran bahasa yang lain.
- vi. Gunakan kesalahan bahasa yang sebenar, khususnya kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar atau yang terdapat di persekitaran pelajar sebagai bahan pembelajaran.
- vii. Pertingkatkan kaedah pengajaran dengan membanyakkan aktiviti kumpulan dalam pengajaran guru.
- viii. Jadikan aktiviti luar bilik darjah sebagai sebahagian daripada aktiviti pelajaran bahasa.
- ix. Gandakan aktiviti bertutur bagi meningkatkan kualiti pengajaran bahasa.
- x. Pelbagai teknik pengajaran tatabahasa seperti pendekatan induktif atau inkuiiri bagi meningkatkan pengetahuan dan minat pelajar.